

20 DEC 1997

JAMIN SOKONG EKUITI 51 PERATUS PEGANGAN ASING

KUALA LUMPUR, 20 Dis (Bernama) -- Persatuan Agen-Agen Insurans Jaminan Pendapatan Hidup Melayu Malaysia (Jamin) menyokong penuh keputusan kerajaan menghadkan ekuiti pegangan syarikat asing dalam sektor insurans kepada hanya 51 peratus.

Yang DiPertua Jamin, Mohamad Zainuddin Haji Abu Bakar berkata keputusan itu dilakukan sebagai memenuhi permintaan Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) supaya semua negara anggotanya membuka pasaran global yang lebih terbuka.

"Di dalam masa yang sama kerajaan Malaysia juga bertanggungjawab dan berhak memastikan kepentingan ekonomi tempatannya tidak tergadai," katanya dalam satu surat kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Salinan surat bertarikh 17 Disember itu dihantar kepada Bernama di sini hari ini.

Zainuddin berkata tindakan Amerika Syarikat untuk mengenakan sekatan dagangan terhadap Malaysia kerana tidak memenuhi permintaan negara itu supaya ekuiti syarikat asing dalam sektor insurans dinaikkan kepada 100 peratus, tidak boleh diterima langsung di dalam era sekarang.

Katanya, langkah kerajaan Malaysia adalah wajar dan saksama kepada negara dan juga WTO.

Beliau seterusnya mendoa agar Dr Mahathir meneruskan usaha beliau memajukan negara. -- BERNAMA

ES MA